

**PENYELEWENGAN TOKOH SYIAH ISU AHL AL-BAYT.** Oleh Maafi Husin Ali Amran, Mohd Arif Nazri, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mohd Nazri Ahmad. 2018. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor. ISBN 978-967412534-9.

Buku ini merupakan karya suntingan daripada beberapa orang penulis. Antara penulis utama yang menulis mengenai buku ini ialah Maafi Husin Ali Amran yang merupakan PhD di Institut Islam Hadhari (HADHARI) UKM yang mengkaji tentang ilmu Tafsir, Hadis dan Aqidah serta Pengajian al-Quran & al-Sunnah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) manakala bidang pengkhususan beliau adalah Hadis dan Ulum-al-Hadis. Selain itu, antara penyunting lain yang turut membantu dalam penulisan buku ini ialah Tengku Intan Zarina Tengku Puji yang merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan bidang pengkhususan beliau adalah ilmu Tafsir dan Ulum al-Quran serta Pendidikan Islam dan yang terakhir adalah Mohd Nazri Ahmad yang juga merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah di Fakulti Pengajian Islam, UKM dan bidang kepakaran beliau adalah ilmu Tafsir.

Buku ini merupakan hasil terbitan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ini membincarkan mengenai hakikat penipuan sebenar yang dilakukan oleh salah seorang penganut Syiah iaitu Sheikh Muhammad Marī al-Amīn al-Anṭākī dalam memperjuangkan kebenaran risalah yang dibawa beliau. Kemudian, dalam penulisan buku ini juga, penulis mendapati bahawa gaya bahasa yang digunakan dalam menyampaikan maklumat, idea dan juga persembahan adalah bersifat santai serta mudah difahami oleh pembaca. Kemudian maklumat-maklumat mengenai kitab-kitab rujukan serta tokoh-tokoh turut disertai pada bahagian akhir dalam buku ini.

Selain itu, berdasarkan kepada pemerhatian penulis, buku ini dibahagikan kepada tiga bab utama. Bab pertama, beliau membincangkan mengenai biografi Sheikh Muhammad Marī al-Amīn al-Anṭākī yang merupakan salah satu tokoh dan pendukung Syiah yang terkenal. Kemudian, dalam bab dua dibincangkan mengenai metodologi beliau dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis dan pada bab tiga, dibincangkan mengenai ayat-ayat al-Quran dan hadis yang ditafsirkan oleh beliau. Kemudian pada akhir bagi setiap bab ini pula, penyunting akan membuat kesimpulan yang terkandung bagi setiap bab untuk memastikan apa yang dibincangkan sebelum ini dapat difahami dengan mudah oleh para pembaca secara keseluruhan.

Seterusnya, dalam bab pertama, antara keunikan yang menyebabkan penulis tertarik untuk membaca buku ini ialah mengenai Syiah itu sendiri. Mengenai ajaran Syiah ini, penyunting menyatakan bahawa ajaran ini merupakan aliran yang terdapat dalam teologi Islam yang memihak dan sangat memuliakan Ali r.a serta keluarganya. Kemudian, dapat dilihat juga bahawa tokoh Syiah ini menggunakan hadis-hadis yang digunakan oleh para ulama ahli sunah untuk menegakkan hak kekhilafahan Sayidina Ali.

Selain itu, dalam bab ini juga, turut dibahaskan mengenai perbezaan maksud *ahl-bait* yang ditafsirkan oleh tokoh Syiah dan ulama ahli sunnah. Kemudian, pada bab satu ini juga dapat dilihat bahawa setiap rujukan yang digunakan oleh beliau dalam mentafsirkan sesuatu ayat akan disertakan dengan rujukan-rujukan yang digunakan oleh para *ahli sunnah wa al-jamaah*. Dengan bersumberkan daripada rujukan ahli sunnah ini, maka berlaku kekeliruan kepada masyarakat untuk membezakan ajaran yang salah dan yang benar. Selain itu, penyunting turut menyatakan pecahan-pecahan mazhab yang terhasil daripada ajaran Syiah itu sendiri seperti

Syiah *imāmiyyah*, *sab'iyyah*, *ghulāt* dan sebagainya. Namun, dalam pecahan-pecahan ini juga, penyunting turut menyebut bahawa terdapat sebahagian daripada mazhab Syiah ini tidak dihukum sesat iaitu Syiah *al-Tashaiyu*<sup>c</sup> dan *al-Mufaddilah*.

Seterusnya, dalam bab dua para penyunting turut membahaskan mengenai metodologi yang digunakan oleh beliau dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Berdasarkan kepada hemat penulis, beliau menggunakan lima metodologi dalam mentafsirkan sesuatu nas atau hadis. Antaranya ialah mengkhususkan nas yang pada asalnya berbentuk umum. Menurut beliau, surah al-Ahzāb ayat 33 ini ditukarkan kepada nama lain iaitu *al-Tathīr*. Menurutnya, lafaz yang terdapat dalam surah ini iaitu lafaz *tathīran* adalah bersifat maskulin yang merujuk kepada Ali, Fatimah, Hasan dan Husain r.a. Sekiranya ayat itu berbentuk feminin (*mu'annas*) maka ayat tersebut akan merujuk kepada para isteri Rasulullah SAW.

Selain itu, penyunting juga turut mengemukakan hujah dan perbahasan bagaimana golongan *ahl al-sunnah* menolak dan mengkritik pendapat tokoh ini. Menurut *ahl al-sunnah* ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan secara konsisten untuk memahami dan berinteraksi dengan al-Quran dan hadis. Menurut mereka, nas-nas yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis ini ada yang berbentuk umum dan ada yang berbentuk khusus, ada yang mutlak, ada yang berbentuk membatas dan sebagainya. Namun, semua bentuk ini dapat dikenali daripada zahir susunan lafaz dan perkataan yang digunakan dalam lafaz tersebut.

Kemudian, berkenaan dengan lafaz ini juga, para *ahl al-sunnah* turut berpendapat bahawa sekiranya Allah SWT menghendaki hak kekhilafahan ini berada di tangan *ahl al-Bayt*, maka Allah SWT akan menurunkan dalil-dalil yang khusus seperti mana Allah SWT melantik Nabi Daus a.s seperti mana firman-Nya yang terdapat dalam surah Ṣād ayat 26 bermaksud: “*Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepada kamu)*” atau firman Allah SWT dalam surah al-Fath ayat 29 mengenai kenabian Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “*Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasul Allah*”.

Kemudian, metodologi kedua yang digunakan beliau ialah melihat *Asbāb al-Nuzul* dan kelahiran nas. Metodologi ini diaplikasikan di dalam al-Quran dan hadis. Ini kerana dalam kitab beliau iaitu *Limādhā Akhtartu Madhhāb al-Shī'ah*, antara petikan beliau adalah: “*Ayat sekian-sekian turun kerana Ali dan hadis sekian-sekian adalah untuk Ali*”. Selain itu, beliau turut bersandarkan kepada hadis-hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW untuk menguatkan lagi hujah beliau dan antara hadis yang digunakan beliau adalah mengenai Nabi Muhammad SAW menutup Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a dengan *al-Kisā'* (pakaian) dan mengangkat tangan ke atas mereka seraya membaca ayat *Tatīr* yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan segala dosa daripada kami (Ankum) wahai ahl al-Bayt dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya*”. Sehubungan itu, penyunting turut mengemukakan bagaimana para golongan *ahl al-sunnah* ini berhujah dan mengkritik mengenai metode yang digunakan beliau. Menurut *ahl al-sunnah*, *asbab al-nuzul* ini tidak berperanan untuk mengkhususkan sesuatu ayat sekiranya ayat itu sendiri diturunkan dalam bentuk umum. Hikmah di sebalik sifat umum ini agar sesuatu masalah itu dapat meliputi semua generasi manusia hingga ke hari kiamat. Penyunting turut menyatakan bahawa sekiranya sesuatu ayat itu diturunkan bergantung kepada sebab turunnya ayat, maka sesuatu ayat tersebut hanya boleh digunakan kerana faktor penyebabnya dan sekiranya faktor itu hilang maka akan hilang juga perbincangan ayatnya.

Seterusnya, berkenaan metodologi beliau yang ketiga iaitu jumlah rujukan yang banyak menjadi bukti kebenaran dalil dan hujah turut diperbincangkan dengan hangat dalam buku ini. Dalam metodologi ini, beliau berpendapat bahawa kekuatan sesuatu nas atau hadis itu perlu dilihat kepada jumlah rujukan yang menyokong sesuatu masalah tersebut. Ini kerana, setiap kali beliau mengemukakan sesuatu dalil, beliau akan mengambil rujukan yang digunakan oleh *ahl al-sunnah* sehingga rujukan beliau itu mencapai belasan rujukan. Tetapi, antara masalah yang timbul berdasarkan kepada metode ini ialah, banyak rujukan-rujukan beliau bersandarkan kepada hadis yang digunakan oleh *ahl al-sunnah*. Sekiranya seseorang daripada golongan *ahl al-sunnah* ini menolak sesuatu nas maka beliau akan menyalahkan kepada para ulama *ahl al-sunnah*. Ini kerana, sekiranya seseorang itu mempercayai keadilan ulama *ahl al-sunnah*, mereka harus menerima hakikat apa yang dibawa oleh ulama tersebut.

Kemudian, dalam bab ini juga, para penyunting turut mengemukakan hujah-hujah dan penolakan ulama *ahl al-sunnah* terhadap metode yang digunakan beliau ini. Menurut *ahl al-sunnah*, kekuatan sesuatu nas dan riwayat itu bukan bergantung kepada jumlah sumber yang digunakan tetapi kepada kesahihan dan ketepatan nas dan dalil tersebut. Dalam pendebatan ini, dapat dilihat penyunting telah mengemukakan beberapa jawapan yang sangat mudah untuk membala semula hujah-hujah yang dinyatakan oleh tokoh Syiah ini. Pertama, perbahasan yang melibatkan ayat-ayat al-Quran, *manhaj* yang digunakan oleh *ahl al-sunnah* ini ialah dengan cara mengumpulkan pelbagai pendapat yang ada berkenaan dengan tafsiran sesuatu ayat. Kemudian tafsiran-tafsiran ini akan dibahaskan tafsirannya manakah yang paling tepat berdasarkan kepada sesuatu perkara menurut petunjuk al-Quran, kaedah bahasa Arab dan juga sunnah Rasulullah yang sahih. Manakala, berkenaan dengan dalil yang bersumberkan hadis pula, penyunting telah menerangkan beberapa panduan penting yang telah ditetapkan oleh ulama hadis mengenai tafsiran bagi sesuatu hadis. Antara garis panduannya adalah dengan melihat kepada sanad dan matan sesebuah hadis.

Sanad adalah rangkaian perawi yang meriwayatkan sesuatu hadis sehingga dibukukan secara formal manakala matan pula adalah maksud hadis atau petunjuk hukum yang terkandung dalam teks hadis. Dalam metodologi Sheikh Muhammad Marī al-Amīn al-Anṭākī ini juga, penyunting telah menyatakan bahawa masalah yang timbul mengenai penghujahan kepada bilangan jumlah hadis ini ialah kebanyakan hadis yang digunakan oleh beliau adalah tidak mempunyai sanad dan matan yang sahih malah tidak membahaskan mengenai darjat sesuatu hadis tersebut.

Kemudian, beliau turut menggunakan lima *manhaj* dalam penulisan hadis untuk diletakkan dalam buku-buku beliau. Antaranya adalah menggunakan syarat yang ketat dalam menilai sesuatu hadis. Syarat yang ketat yang digunakan beliau ini adalah dengan mengeluarkan hadis yang sahih sahaja dalam kitab beliau. Kedua, menggunakan syarat yang longgar dalam menilai sanad sesuatu hadis. Dengan kata lain, beliau bermudah-mudah dalam menilai sanad hadis. Ketiga, beliau menggunakan syarat pertengahan (antara ketat dan longgar). Syarat yang ketat ini kebiasaannya digunakan pada hadis yang berbincang mengenai akidah dan hukum manakala syarat yang longgar digunakan kepada hadis-hadis selain daripada akidah dan hukum. Keempat, mengeluarkan hadis sepertimana yang telah dinyatakan dalam *manhaj* satu, dua dan tiga dengan cara menyemak semula hadis tersebut dan diterangkan darjatnya manakala *manhaj* kelima, mengeluarkan hadis seperti mana yang telah dinyatakan dalam *manhaj* satu, dua dan tiga tetapi tidak disemak semula darjat hadis tersebut.

Kemudian, pada metodologi keempat iaitu membincangkan darjat sesuatu hadis yang dinilai sahih dengan merujuk kepada pensahihan al-Hakim dalam kitab *al-mustadrak*. Berdasarkan kepada pemerhatian penulis, pihak penyunting turut meletakkan hujah bagaimana para *ahl al-sunnah* ini memperbahsakan mengenai kitab *al-mustadrak* berserta dengan para ulama hadis yang menghukum sesuatu hadis tersebut. Menurut *ahl al-sunnah*, al-Hakim turut berpegang kepada *manhaj* bermudah-mudahan dalam mensahihkan sesuatu hadis dan ini turut dinyatakan oleh Ibn al-Šalāh. Kemudian, mengenai hadis yang diriwayat oleh al-Hakim juga turut disertakan dengan hujah-hujah yang jelas kenapa hadis-hadis yang diriwayatkan oleh beliau ini ada yang ditolak dan ada yang diterima. Contoh-contoh ini memudahkan para pembaca dan masyarakat mengetahui bahawa kenapa walaupun seseorang itu digelar ulama hadis, ia tetap dinilai darjat dan kesahihan hadis-hadis mereka.

Kemudian, pada metodologi beliau yang terakhir iaitu melaksanakan dakwah kepada masyarakat, dapat dibahagikan kepada dua jenis dakwah. Pertama, dengan menggunakan metodologi ilmiah. Kedua, pendekatan psikologi. Mengenai metodologi ilmiah ini, beliau akan menggunakan dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis manakala metodologi psikologi ini pula adalah dengan cara mengadakan sesi dialog antara tokoh Syiah dan tokoh *ahl al-sunnah*.

Berdasarkan kepada buku ini, dapat dilihat bahawa beliau telah berjaya mengelirukan golongan *ahl al-sunnah* ini sehingga masyarakat yang ada pada waktu itu meragui apa yang di bawah oleh *ahl al-sunnah*. Ini kerana, hujah-hujah yang digunakan beliau ini bersumberkan kepada sumber yang digunakan oleh para ulama *ahl al-sunnah*, maka ini akan menyebabkan masyarakat mula berfikir bahawa ajaran yang dibawa oleh beliau ini adalah benar kerana golongan yang mengaku *ahl al-sunnah* sendiri tidak mampu untuk menegakkan hujahnya ketika sesi pendebatan dan akhirnya masyarakat memilih untuk masuk ke ajaran Syiah.

Menurut penyunting, hujah-hujah dan dalil-dalil yang digunakan beliau sangat jelas dan kuat sehingga dalil yang dibawa oleh ajaran *ahl al-sunnah* ini kelihatan samar dan lemah dari segi penghujahannya. Oleh itu, penulis dapat menyimpulkan bahawa metodologi dakwah yang digunakan ini iaitu secara ilmiah dan psikologi ini saling berkait antara satu dengan yang lain. Ini kerana, apabila sesebuah masyarakat itu telah berjaya dijelaskan mengenai sesuatu perkara dan disokong pula dengan dalil-dalil yang kukuh, maka secara tidak langsung akan muncul rasa ragu-ragu dengan apa yang dipegang dan dianuti oleh mereka. Akhirnya, sesebuah masyarakat itu beralih daripada sesuatu pegangan yang lama kepada pegangan baru yang diyakini mereka.

Kemudian, pada akhir bab ini, dapat dilihat bagaimana penyunting membahaskan mengenai tafsiran-tafsiran yang dilakukan beliau dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Berdasarkan kepada pemerhatian penulis, terdapat beberapa nas dan hadis yang digunakan beliau dalam memperjuangkan ajaran Syiah. Antaranya ialah ayat *al-tahthir* (al-Ahzab ayat 33), hadis *al-Kisā'* yang diriwayatkan oleh majoriti ahli hadis *ahl al-sunnah*, hadis seruan solat subuh, hadis daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī, ayat *al-wilāyah* (al-Māidah ayat 55), hadis mengenai *wilāyah*, ayat *al-mawaddah* (al-Shūra ayat 23), hadis mengenai *al-mawaddah*, ayat *al-tabligh* (al-Māidah ayat 67), ayat *al-mubāhalah* (Āli ‘Imran ayat 61) dan ayat *al-Šolawāt* (al-Ahzab ayat 56).

Mengenai tafsiran bagi ayat-ayat ini, dapat dilihat bahawa Sheikh Muhammad Marī al-Amīn al-Anṭākī mentafsirkan ayat surah al-Ahzāb ayat 33 ini dengan mengatakan Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a adalah maksum. Kemudian, beliau mendatangkan pula hadis *al-Kisā'* di mana hadis ini menurut hemat penulis, menyebut tentang Nabi SAW membersihkan Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a daripada dosa. Namun, apa yang difahami beliau adalah hadis ini diturunkan untuk menunjukkan bahawa Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a ini adalah maksum. Kemudian, untuk menguatkan lagi hadis ini, didatangkan pula hadis yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī. Kemudian, berkenaan dengan perkataan *wali* yang terdapat di dalam surah al-Māidah ayat 55 ini, ditafsirkan sebagai khalifah manakala berkenaan dengan pemberian cincin Saidina Ali itu ditafsirkan sebagai zakat dan lafaz rukuk itu ditafsirkan sebagai solat.

Kemudian, berkenaan dengan hadisnya pula, beliau berpendapat hadis ini adalah berkenaan dengan Saidina Ali yang sedang solat dalam posisi rukuk, kemudian datang kepada beliau seorang pengemis lalu diberikan cincin yang ada pada jarinya sebagai zakat. Berdasarkan kepada penerangan ini, dapat dilihat bagaimana Sheikh Muhammad Marī al-Amīn al-Anṭākī mentafsirkan sesuatu hadis tersebut dengan sesuka hati tanpa melihat tafsiran-tafsiran yang dilakukan oleh ulama hadis. Selain itu, berkenaan dengan hadis *al-mawaddah* ini, beliau mentafsirkan bahawa kecintaan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah merujuk kepada kewajipan untuk mencintai para *ahl al-Bayt* iaitu Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a dengan sepenuh hati dan didatangkan pula hadis untuk menguatkan lagi hujah beliau.

Kemudian, berkenaan dengan lafaz *al-tabligh* yang terdapat di dalam surah al-Māidah ayat 67 ini pula, beliau mentafsirkan bahawa ayat ini dikhususkan kepada Ali bin Abi Talib. Ini kerana, menurut beliau Rasulullah SAW tergesa-gesa dalam melantik beliau untuk menjadi khalifah di sebuah tempat yang dikenali sebagai *Ghadīr Khum* dan perkara ini dirujuk kepada kata-kata Abū Sa‘īd Al-Khudrī r.a. iaitu: “*Dari pada Abū Sa‘īd Al-Khudrī r.a., dia berkata: Diturunkan ayat ini: "Wahai Rasul Allah. Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu"*” (al-Māidah 5: 67) ke atas Rasulullah SAW pada hari *Ghadīr Khum* berkenaan Ali bin Abi Talib.

Kemudian, dalam bab ini juga dapat dilihat bagaimana beliau mentafsirkan ayat mengenai *al-mubāhalah* yang dirujuk kepada surah Ālī ‘Imran ayat 61. Ayat ini berkisarkan mengenai pertemuan Rasulullah SAW dengan delegasi Nasrani dari Najran namun menurut tafsiran beliau, ayat ini merupakan bukti dan keistimewaan yang terdapat pada Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a di mana apabila delegasi ini melihat mereka, delegasi ini terus mengundur diri. Oleh kerana keistimewaan yang terdapat kepada Ali, Fatimah, Hasan dan Husein yang menyebabkan delegasi tersebut mengundur diri, maka beliau mentafsirkan bahawa hanya mereka yang layak menjadi khalifah selepas Rasulullah SAW. Manakala perkataan *nafs* yang terdapat dalam surah ini ditafsirkan sebagai *nafs* Muhammad SAW dengan ilmunya, akhlaknya dan sebagainya.

Kemudian, berkenaan dengan ayat *al-Solawāt* yang terdapat di dalam surah al-Ahzāb ayat 56, beliau telah mentafsirkan bahawa dalam selawat ini telah disebut dengan nama Ali r.a dan ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya Ali, Fatimah, Hasan dan Husein r.a. di samping memerintahkan berselawat kepada Muhammad SAW. Selain itu, beliau turut mengatakan bahawa selepas disebut nama baginda SAW, maka terus disambungkan kepada Ali r.a dan ini menunjukkan bahawa Allah telah memberi prioriti kepada Ali untuk menjadi khalifah sebaik sahaja sesudah Rasulullah SAW. Selain itu, dalam bab ini juga, penulis dapat melihat

bagaimana para penyunting ini menyusun hujah penolakan dan kritikan yang dilakukan oleh *ahl al-sunnah* terhadap tokoh Syiah ini dengan sistematik dan tersusun. Ini kerana, pada setiap sesuatu isu itu dibahaskan, para penyunting menyatakan komentar itu pada halaman yang sama. Penyusunan sebegini dapat memudahkan para pembaca untuk terus berhubung dengan topik dan masalah yang dibincangkan.

Selain itu, dapat dilihat juga bagaimana penggunaan bahasa yang digunakan oleh para penyunting dalam membahaskan sesuatu isu. Rujukan-rujukan seperti al-Quran dan hadis dinyatakan secara jelas malah para pembaca dapat melihat bagaimana kesahihan sesuatu hadis itu. Berdasarkan kepada hemat penulis juga, didapati setiap perincian mengenai darjat kesahihan hadis itu dinyatakan sumber rujukan termasuk *syarah* hadis tersebut. Maka secara tidak langsung, para pembaca dapat merujuk rujukan-rujukan tersebut dengan mudah.

Namun, berdasarkan kepada pemerhatian penulis secara mendalam mengenai buku ini, terdapat empat kekurangan yang perlu dibaiki. Pertama, mengenai isi kandungan. Jika dilihat pada isi kandungan yang terdapat di dalam buku ini, para penyunting hanya meletakkan tiga bab utama tanpa meletakkan *sub-topic* bagi setiap bab kerana berdasarkan kepada hemat penulis, setiap bab itu mempunyai beberapa *sub-topic*. Maka ini sedikit sebanyak menyukarkan para pembaca sekiranya ingin merujuk *sub-topic* yang terdapat di dalam buku ini.

Kedua, mengenai tajuk *Sejarah Kelahiran Syiah* yang terdapat di dalam bab satu ini juga, para penyunting tidak menyatakan sejarah kewujudan aliran Syiah ini secara terperinci. Penyunting hanya menyatakan kewujudan aliran Syiah ini secara umum tanpa menceritakan bagaimana permulaan sebelum berlakunya perpecahan dan wujudnya aliran Syiah seperti peristiwa *Tahkim* yang dilakukan oleh Muāyyiyah bin Abī Sufyan. Sekiranya peristiwa sejarah ini diceritakan secara jelas, ia dapat memberi gambaran bahawa bagaimana sesuatu sejarah itu berlaku dan bagaimana perkembangannya.

Ketiga, dalam bab ini juga disebut mengenai perang *Jamal* dan perang *Siffin* namun dalam hemat penulis, penyunting tidak menyebut siapakah di kalangan para isteri Nabi SAW yang terlibat dalam peperangan tersebut dan bagaimana peperangan itu dileraikan. Ini kerana, jika dilihat pada konteks zaman sekarang, golongan Syiah ini sangat membenci para isteri Nabi SAW terutamanya Aisyah r.a. Maka, sekiranya para sahabat dan isteri Nabi SAW ini diceritakan secara mendalam, ia dapat menguatkan pemahaman para pembaca mengenai kesesatan dan penyelewengan yang dilakukan oleh penganut Syiah berkenaan isteri-isteri Rasulullah SAW dan para sahabatnya (Muka surat 18-21).

Keempat, dalam bab satu ini juga, berkenaan dengan tajuk *Iktikad Ahl Al-Sunnah Ke Atas Ahl Al-Bayt Rasulullah*, keterangan mengenai iktikad itu terlalu sedikit dan terlampaui umum. Maka, berdasarkan kepada hemat penulis, mengenai iktikad ini perlu dihuraikan dengan lebih mendalam lagi untuk memudahkan para pembaca memahami dengan lebih jelas bagaimana yang dimaksudkan dengan iktikad kepada *ahl al-Bayt* ini dan pada masa yang sama dapat menjadi hujah apabila berdepan dengan ajaran-ajaran ini yang mengaku mencintai *ahl al-Bayt* tetapi hakikatnya perbuatan dan ajaran itu bertentangan dengan apa yang diajar oleh Baginda SAW (Muka surat 29-30).

Kemudian, dalam bab dua, antara penambahbaikan yang perlu dilakukan adalah dengan melihat kepada susunan bahasa. Ini kerana pada ayat “*bidang ilmu yang dimaksudkan oleh*

*terbahagi*" di mana ayat ini kelihatan tergantung. Siapakah yang dimaksudkan oleh penulis itu (Muka surat 40). Kemudian dapat juga dilihat penggunaan bahas yang kurang betul pada ayat "ini kerana, iaitu pertama, manhaj bermudah-mudahan al-Hakīm..". Jika dilihat kepada penggunaan bahasa ini, susunan dan penggunaan ayat ini kurang tepat untuk digunakan (Muka surat 52). Selain itu, dapat dilihat sedikit kekeliruan dalam penyusunan bab di mana pada muka surat 56, jika berdasarkan kepada kandungan, muka surat 56 ini masih di dalam bab dua dalam buku namun ditulis "*Dalam metodologi pentafsiran yang diguna pakai oleh Sheikh Muhammad Marī bagi menjawab hujah-hujah ataupun dalil ke atas ahl al-sunnah telah difahami secara jelas dalam bab yang ketiga ini*".

Secara keseluruhan, buku yang berjumlah 139 muka surat ini mampu memberi penerangan dan kesedaran terhadap pembaca, khususnya bagi umat Islam yang berpegang kepada aliran *ahl al-sunnah wa al-jamā'ah* dalam menghadapi aliran-aliran yang wujud di Malaysia ini. Selain itu, para pembaca juga dapat memahami bagaimana sejarah wujudnya aliran Syiah, pegangan dan iktikad mereka serta apakah dalil-dalil dan hadis yang digunakan oleh mereka dalam berdebat dengan golongan yang beraliran *ahl al-sunnah*. Selain itu, para pembaca juga dapat melihat bagaimana para penyunting telah menyenaraikan banyak daripada kitab-kitab tafsir dan rujukan-rujukan hadis yang dapat digunakan untuk menguatkan lagi hujah dalam menolak aliran tersebut. Selain itu, pembaca juga dapat melihat hujah-hujah yang digunakan oleh para ulama yang mengkritik dan menolak hujah golongan aliran Syiah ini dengan sistematik dan tersusun.

Kemudian, melalui perantaraan buku ini juga, pembaca dapat mengetahui siapakah antara tokoh Syiah yang terkenal dan berpengaruh pada ketika dahulu dan apakah metode-metode yang digunakan beliau dalam menyebarkan pengaruh ajarannya kepada masyarakat umum. Secara peribadi, buku ini berjaya menghasilkan buah fikiran akademik dan perbincangan yang diulas mengikut kesesuaian realiti semasa bagi kebaikan pembangunan kontemporari serta dapat membuka minda bagi para pembaca mengenai ajaran Syiah ini merupakan salah satu ajaran yang dapat mengancam sesebuah institusi negara.

### **Mohd Faiz Hadi Bin Mohd Sanadi**

Pelajar Sarjana di Fakulti Pengajian Islam  
Pusat Akidah & Keamanan Global (PAKeG)  
Universiti Kebangsaan Malaysia